

**PENGLIBATAN WANITA DALAM IJAZAH PERIWAYATAN SANAD KITAB  
TURATH ISLAM: SUMBANGAN RATU SAYYIDAH FATIMAH AL-SHIFA  
BINTI SAYYID AHMAD AL-SHARIF AL-SANUSI (1911-2009)  
THE INVOLVEMENT OF WOMEN IN THE AWARD OF SANAD NARRATION  
OF ISLAMIC TURATH BOOKS: THE CONTRIBUTION OF QUEEN  
SAYYIDAH FATIMAH AL-SHIFA BINTI SAYYID AHMAD AL-SHARIF AL-  
SANUSI (1911-2009)**

Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>1\*</sup>, Phayilah Yama<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, KUIS, farhahzaidar@kuis.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, KUIS, phayilah@kuis.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembedulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

### Abstrak

Ilmu-ilmu pengajian Islam tradisional memiliki salasilah sanad periwayatan berteraskan kitab-kitab turath. Rantainya sanad ini kekal berlangsung diriwayatkan secara ijazah dalam kalangan ilmuwan dunia Islam sama ada terdiri daripada tokoh ulama lelaki atau wanita. Ratu Sayyidah Fatima al-Shifa binti Ahmad al-Sharif al-Sanus (1911-2009) merupakan tokoh wanita nadir yang berperanan penting dalam arena ini. Tokoh merupakan mantan permaisuri Libya dan juga anak perempuan kepada pejuang handalan serta tokoh sufi negara Libya, Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanus. Ijazah periwayatan sanad tokoh wanita ini tersebar ke seluruh dunia Islam antaranya berhubung dengan kitab turath muktabar iaitu Sahih al-Bukhari. Makalah ini bertujuan untuk menganalisa ijazah periwayatan sanad tokoh wanita tersebut terhadap kitab berkenaan sekaligus menghargai sumbangan tokoh dalam persektif tersebut. Data-data kajian dikumpul berasaskan metode analisis dokumen dan dianalisa secara deskriptif. Dapatan ditumpukan kepada empat aspek penemuan iaitu profil tokoh, guru riwayat utama, murid riwayat utama dan rantaian sanad kitab Sahih al-Bukhari riwayat murid daripada tokoh berkenaan. Dapatan merumuskan faktor utama sanad tokoh dapat diriwayatkan serta disebarluaskan dalam dunia Islam adalah kerana komitmen ilmuwan sezaman melakukan rihlah ilmu kepada beliau dan kesedaran tinggi mereka dalam bertindak memohon ijazah sanad terutama ketika tokoh menetap di lokasi tumpuan ilmu iaitu Kaherah, Mesir. Juga kerana ketinggian salasilah sanad beliau yang merupakan warisan periwayatan yang berkesinambungan lansung kepada bapa tokoh yang masyhur dalam gerakan sufi dan pejuang di Libya. Selain itu, kedudukan beliau sebagai Ratu Libya pada tahun 1951 sehingga 1969 turut menyebabkan beliau dapat dilabelkan sebagai perawi terakhir dunia dalam kalangan raja perempuan negara Islam kurun ini.

### Kata kunci

Wanita, sanad, Sahih al-Bukhari, ijazah, Fatimah al-Shifa.

### Abstract

The sciences of traditional Islamic studies have a genealogy of narrative chain based on the books of Turath. This chain of sanad remains narrated by way of award (ijazah) among scholars

of the Islamic world whether it consists of male or female scholars. Queen Sayyidah Fatima al-Shifa bint Ahmad al-Sharif al-Sanusi (1911-2009) is a rare female figure who plays an important role in this arena. The figure is the former queen of Libya and also the daughter of a prominent fighter and Sufi figure of Libya, Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi. The award of narration of the sanad by this female figure has spread throughout the Islamic world, among others in relation to the book of Turath Muktabar, namely Sahih al-Bukhari. Therefore, this paper aims to analyze the award of narration of the female figure's chain of transmission of the book so as to appreciate the contribution of the figure in that perspective. The study data were collected based on document analysis method and was analyzed descriptively. The findings are focused on four aspects of the findings, namely the profile of the figure, the main narration teacher, the main narration student and the chain of Sahih al-Bukhari's narration of the student from the figure. The findings conclude that the main factor that the sanad of a figure can be narrated and disseminated in the Islamic world is due to the commitment of the contemporary scholars to impart knowledge to him and their high awareness in applying for a sanad degree, especially when the figure resides in Cairo, Egypt an area where knowledge is a main focus. Furthermore, the height of his chain of genealogy is also due to the legacy of narration that continues directly from the father of a famous figure in the Sufi movement and fighters in Libya. In addition, her position as the Queen of Libya in 1951 to 1969 has also contributed for her to be labeled as the last female narrator in the world from among the royal family of Islamic countries of this century.

**Keywords**

women, sanad, Sahih al-Bukhari, degree, Fatimah al-Shifa.

**1. Pengenalan**

Penglibatan wanita muslim dalam dunia keilmuan Islam merupakan suatu kebiasaan. Ia sejajar dengan tuntutan melibatkan diri dalam pencarian ilmu adalah tertakluk kepada semua penganut Islam tanpa mengira jantina. Malah wanita muslim berpeluang muncul sebagai ilmuwan dalam wibawa yang setaraf dengan lelaki (Akram Nadwi, 2007). Justeru, kemunculan tokoh-tokoh ilmuwan wanita muslim dalam pelbagai disiplin ilmu-ilmu Islam adalah berdasarkan ikutan petunjuk agama Islam sendiri. Lantaran itu, keserjanaan wanita Islam turut dapat ditemui dalam bidang *ijazah* periwayatan sanad ilmu-ilmu agama terutamanya ilmu hadis berteraskan kitab-kitab *turath* Islam (al-Mar'ashli, 2002).

Kegiatan periwayatan sanad ilmu-ilmu agama merupakan adaptasi daripada sistem periwayatan ilmu wahyu al-Quran dan hadis yang berkesinambungan daripada tatacara asal Nabi Muhammad s.a.w. memperolehi ilmu. Ia dalam konteks al-Quran adalah menerusi perantaraan malaikat Jibril dan seterusnya bersambung rantaian sanad tersebut antara generasi demi generasi pada setiap kurun sehingga kini (Ghassan Isa, 2016 & al-Majidi, 2000). Serentak dengan itu, tradisi riwayat dalam ilmu Islam berkembang penggunaannya secara bersanad dalam hampir kesemua lapangan keilmuan Islam seperti hadis, fiqh, tasawuf, bahasa, tafsir dan usuluddin (al-Basri, 2006).

Hal ini juga menunjukkan bahawa tradisi penyampaian ilmu agama berasaskan sistem periwayatan sanad mengalami penyesuaian serta tidak terjejas dengan pergerakan zaman. Bahkan era pembukuan ilmu-ilmu agama memuncakkan lagi penggunaan sanad dalam periwayatan berteraskan kita-kitab turath yang dihasilkan tersebut ('Ali Jum'ah, 2004). Ia dislogankan dalam kalangan ulama dengan kata-kata keramat yang

menjadi pegangan mereka iaitu *al-asanid ansab al-kutub*. Ia membawa maksud sanad merupakan keturunan kitab-kitab (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2003). Antara punca lonjakan ini adalah fungsi sanad sebagai sekuriti penisbahan kitab kepada pengarang asal ('Ali Jum'ah, 2004).

Manakala metodologi periwayatan sanad kitab-kitab *turath* tersebut terutama kitab hadis adalah pengadaptasian daripada metodologi asal periwayatan hadis nabawi iaitu antaranya dengan menggunakan salah satu metode yang dikenali dengan *al-ijazah*. *Al-ijazah* dalam aspek etimologi merupakan kata terbitan bagi perkataan *ajaza yujizu* yang bermaksud keizinan atau kebenaran melakukan sesuatu (Ibn 'Imadiyyah, 2008). *Al-ijazah* dalam terminologi asal ahli hadis adalah merujuk kepada keizinan guru kepada murid untuk meriwayatkan hadis Rasulullah ﷺ daripadanya secara lisan atau pun tulisan. Hadis yang *dijazahkan* tersebut sama ada terdiri daripada satu hadis, atau semua hadis yang dibukukan tanpa mengambil kira buku tersebut susunan guru atau susunan orang lain yang merupakan periwayatan peribadi guru (Ibn al-Salah, 1986 & al-Sakhawi, 2005).

*Al-ijazah* dapat diimplimentasikan dalam bentuk *ijazah musyafahah* iaitu lisan atau *ijazah mukatabah* iaitu tulisan (Mausu'ah 'ulum al-hadith, 2007). Sesuatu *al-ijazah* lazimnya dimeterai atas permintaan murid selaku penerima *al-ijazah* daripada guru selaku pemberi *al-ijazah*. Ia disebut *al-istid'a al-ijazah* atau *istijaz* (Akram Nadwi, 2001).

Ilmuwan Islam sehingga kini masih konsisten mengaplikasikan *al-ijazah* dalam konteks riwayat kitab-kitab *turath* hadis terutamanya. Ia adalah kerana *al-ijazah* antara lain dapat menatijahkan lima kegunaan berikut (al-Ghamidi, 2008):

- a. *al-ijazah* berguna untuk menjadikan sesuatu periwayatan lengkap dan sempurna persambungannya.
- b. *al-ijazah* merupakan tatacara penyambungan rantaian salasilah sanad yang mudah, ringkas, segera dalam melunaskan persambungan sanad terutama dalam kesempatan atau pertemuan yang singkat antara guru dan murid.
- c. *al-ijazah* berguna sebagai mekanisme yang menyenangkan untuk memperbanyakkan periwayatan pelbagai kitab dan lain-lain ilmu yang berkaitan.
- d. *al-ijazah* berguna sebagai mekanisme berkesan untuk pengejalan rantaian sanad dan kesinambungan pertautan antara rijal atau ilmuwan.
- e. *al-ijazah* berguna untuk menjadi bukti kukuh yang menzahirkan hubungan yang jelas antara seseorang murid dengan guru. Sejurus dengan itu murid sah memiliki hak meriwayatkan ilmu yang *dijazah* bersandarkan salasilah guru.

Imbasan sejarah menunjukkan wujudnya sembilan jenis *al-ijazah* yang pernah diamalkan dalam kalangan ilmuwan Islam. Hukum ke atas setiap jenis ini adalah berbeza. Perbezaan ini turut memberi kesan kepada kualiti *al-ijazah* tersebut (al-'Iraqi, 1993). Manakala *al-ijazah* dalam aplikasi umum merupakan deklarasi keizinan guru kepada murid untuk meriwayatkan material yang pernah didengarinya atau yang dibacakan atau penulisan beliau tanpa pembacaan atau pendengaran di hadapannya dalam semua bidang ilmu (al-'Amrani, 1983). *Pengijazahan* membawa impak pengejalan periwayatan salasilah yang berantainya sehingga pengarang dengan menggunakan lafaz riwayat *anba'ana* atau lain-lain lafaz yang menzahirkan maksud *ijazah* (Ibn 'Imadiyyah, 2008).

Manakala salasilah sanad ilmu-ilmu agama berteraskan kitab *turath* tersebut didokumentasi secara sistematik dalam karya yang dikenali dengan *al-thabat* (al-Kattani, 1982). Rentetan daripada itu, *al-thabat* ditakrifkan sebagai sejenis karya yang mengumpulkan *al-ijazat* iaitu keizinan periwayatan yang telah diperolehi oleh seseorang penuntut ilmu daripada para guru bagi meriwayatkan kitab-kitab hadis khususnya. (al-Ghawri, 2007) dan juga lain-lain kitab-kitab *turath* ilmu-ilmu pengajian Islam umumnya (al-Mar'asyli, 2002). Ilmuwan yang terlibat sama ada sebagai pengarang *al-thabat* atau paling kurang terbabit selaku *al-mujiz* iaitu pemberi *ijazah* sanad dapat disebut sebagai *al-musnid* atau pengamal sanad (Mahmud Sa'id, 2009) atau perawi sanad.

Kaum wanita juga memberikan sumbangan yang besar dalam bidang *ijazah* periwayatan sanad. Bahkan sebahagian daripada mereka memiliki salasilah riwayat tersendiri yang jarang terdapat pada orang lain. Kebanyakan perawi atau pengamal sanad wanita ini juga melewati usia yang panjang yang menyebabkan sanad mereka menjadi sanad yang paling tinggi yang jarang dicapai oleh kebanyakan ilmuwan lelaki. Justeru sanad tinggi tersebut berperanan menghubungkan ikatan sanad antara generasi muda dengan generasi lebih tua (al-Mar'ashli, 2002). Sanad tinggi pula bermaksud rantaian sanad ini terdiri daripada bilangan perawi yang lebih sedikit sekaligus dapat mendekatkan jarak zaman dengan sumber riwayat (Ibn al-Salah, 1996).

Seterusnya, penemuan 29 buah judul karya *thabat* susunan tokoh ilmuwan wanita Islam dari kurun 5H hingga 14H sebagaimana yang tertera dalam jadual 1 menunjukkan bukti empirikal keserjanaan wanita dalam jurusan periwayatan dan pengijazahan salasilah sanad. Karya-karya ini mendokumentasikan salasilah sanad ilmu-ilmu agama yang sah dimiliki oleh 29 tokoh wanita tersebut (al-Mar'ashli 2002).

Jadual 1 Karya *Thabat* Wanita

KURUN	NAMA KARYA <i>THABAT</i> WANITA
5H	<i>Fawa'id Fatima binti al-Hasan bin 'Ali al-Daqqaq al-Naysaburiya</i> (w. 480H).
6H	<i>Mashaykha Shuhda</i> bint Ahmad bin al-Farj al-Ibaryyya (w. 574H).
7H	<i>Mashaykha 'Afifa al-Farafaniyya</i> karya Ummu Hani' 'Afifa binti Ahmad bin 'Abdullah al-Isbahaniyya (w. 606H) <i>Mashaykha Ummu Muhammad Khadija</i> bint al-Anjab al-Maqdisiyya al-Iskandariyya (w. 618H) <i>Mashaykha Karima al-Zubayriyya</i> Ummu al-Fadl Karima binti 'Abd al-Wahab al-Qurashiyya al-Dimashqiyya (w. 641H) <i>Mashaykha 'Ajiba al-Baqadariyya daw'</i> al-Ṣabah 'Ajiba binti Muhammad bin Ahmad al-Baghdadiyya (w. 647H) <i>Mashaykha Sayyida binti Musa al-Maraniyya</i> Ummu Muhammad al-Misriyya (w. 695H); <i>Asanid wa Marwiyat al-Shaykha Fakhira binti al-'Ajmi</i> Ummu Fadl al-Halabiyya (w. 697H) <i>Ashara Ahadith 'an 'Ashara min al-Mashayikh Ajazu li 'Aisha binti al-Majd</i> (w. 697H).
8H	<i>Mashaykha Shuhda binti al-'Adim al-Halabiyya</i> (w. 709H),

- Mashaykha Zahida* bint Muhammad bin ‘Abdullah al-Zahiri  
*Mashaykha Ummu Muhammad Wajihyya al-Sa’idiyya* (w. 732H) karya Ibn ‘Arram (w. 777H)  
*Mashaykha Ummu ‘Umar Zaynab binti Yahya* bin ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Salam (w. 735H),  
*Mashaykha ‘Aisha binti Muhammad* bin al-Musallam al-Harraniyya (w. 736H),  
*Mashaykha Ummu ‘Abdullah Zaynab binti al-Kamal Ahmad* bin ‘Abd al-Rahim al-Maqdisiyya (w. 740H)  
*Mashaykha Ummu al-Hasan Fatima binti al-‘Izz Ibrahim* bin ‘Abdullah bin Abi ‘Umar al-Maqdisiyya al-Salihinyya (w. 747H),  
*Mashaykha Ummu Muhammad Zaynab binti Isma’il bin al-Khabbaz* (w. 750H).
- 9H *Arba’un Hadithan ‘an Shuyukh Sitt al-Quda* binti ‘Abd al-Wahab bin ‘Umar bin Kathir (w. 801H)  
*Mashaykha Sitt al-Ahl bint al-Tabari* (w. 805H)  
*Mu’jam al-Hurra Ummu Isa Maryam binti Ahmad al-Adhra’iyya* (w. 805H)  
*Mashaykha ‘Aisha al-Maqdisiyya* binti Muhammad bin ‘Abd al-Hadi (w. 816H)  
*Asanid wa Marwiyat al-Shaykha ‘Aisha bint ‘Asha’ir al-Halabiyya* (w. 824H)  
*Mashaykha al-Shaykha Qafajaq ibna ‘Asha’ir al-Halabiyya* (w. 833H)  
*al-Mashaykha al-Basima li al-Qubabi wa Fatima* binti Khalil bin Ahmad al-Kinaniyya (w. 838H)  
*Mashaykha Sara bint al-‘Izz Ibn Jama’a* (w.855H)  
*Mashaykha bint al-Mahrani* (w. 867H),  
*Asanid wa Marwiyat al-Shaykha Hajar al-Halabiyya* (w. 871H).
- 12H *Thabat Quraysh al-Tabariyya* (w. 1107H).
- 14H *Ijazat Amatulla Bikum bint ‘Abd al-Ghani al-Dihlawiyya* (w.1357H).

Sumber al-Mar’ashli (2002)

Sehubungan dengan itu, terdapat juga ilmuwan wanita yang terlibat sebagai perawi atau pengamal sanad ilmu-ilmu agama yang terdiri daripada kalangan raja perempuan atau permaisuri negara Islam seperti Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa. Namun sanad periwiyatan tokoh seumpama ini jarang diperkenalkan secara terperinci kerana pada masa yang sama tokoh sebegini juga sukar ditemui. Bahkan Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa merupakan raja perempuan dunia terakhir yang berperanan sebagai penyambung kesinambungan sanad ilmu-ilmu Islam berteraskan kitab-kitab *turath* pada kurun 15H.

## 2. Metodologi Kajian

Oleh yang demikian itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisa *ijazah* periwiyatan sanad kitab *turath* Islam dalam konteks penglibatan dan sumbangan Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa. Instrumen pengumpulan data melibatkan metode analisis dokumen terhadap sumber kepustakaan dan laman web berkaitan. Dapatkan diolah berteraskan analisis secara deskriptif.

## 3. Dapatan Kajian

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif. Ia dikupas berdasarkan penemuan yang diklasifikasikan kepada empat aspek iaitu profil tokoh, guru riwayat utama, murid


riwayat utama dan rantai sanad kitab *Sahih al-Bukhari* riwayat murid daripada tokoh berkenaan.

### 3.1 Profil Tokoh



Gambar A: Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa binti Ahmad al-Sharif al-Sanusi (1911-2009)

Nama lengkap tokoh ialah Sayyidah Fatimah al-Shifa bin Ahmad al-Sharif bin Muhammad al-Sharif bin Muhammad al-Sharif bin al-Ustaz al-Akbar pengasas tarikat al-Sanusiyah Muhammad bin 'Ali bin al-Sayyid al-Sanusi. Nasab keturunan keluarga Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa adalah bertalian sehingga sampai kepada Sayyidina 'Ali bin Abi Talib r.a. Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa dilahirkan di Libya pada tahun 1911M. Pada tahun 1930, Ratu Fatima al-Shifa telah berkahwin dengan sepupu beliau yang juga merupakan Raja Libya iaitu Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi (1889-1983). Suami beliau merupakan Raja Libya yang terakhir dan memerintah Libya pada tahun 1951 sehingga 1969. Suami beliau meninggal dunia pada tahun 1983 dan jenazahnya dikebumikan di Baqi', Madinah al-Munawwarah (M. Husni, t.th.).




Gambar B: Raja Idris al-Sanusi (1889-1983) { Suami Ratu Sayyidah Fatimah al-Syifa }

Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa telah menghabiskan penghujung usia beliau di Kaherah, Mesir. Beliau meninggal dunia di Kaherah pada hari Ahad 14 Syawal 1430H bertepatan 3 Oktober 2009 sekitar usia 98 tahun. Jenazah beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Sayyidina Hamzah berdekatan Gunung Uhud di Madinah, Arab Saudi. Sebelum itu, jenazah beliau turut diberi penghormatan untuk disolatkan di Masjid al-Nabawi ("The Queen", 2009).

Selain itu, antara tokoh wanita *al-musnid* atau periwayat sanad ilmu-ilmu Islam yang seangkatan dengan Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa' ialah al-Shaikhah 'Alawiyah bint 'Abd al-Rahman al-Habashi al-Hadramiyyah (lahir 1323H), al-Sayyidah Fa'izah bint Mahyu al-Din bin Ahmad al-Sharif ibn al-Ustaz Muhammad bin 'Ali al-Sanusi (lahir 1354H dan juga merupakan anak saudara ratu), al-Shaikhah Munirah binti Jamal bin 'Abdullah bin Tahir bin Muhammad bin Sunbul al-Makiyyah (lahir 1362H) dan al-Shaikhah al-Salehah al-Mua'amarah Umm Salah Yusr bint Khalil al-Kusyi al-Birutiyah al-Shaziliyyah al-Yasyrutiyah (1321-1421H). Tokoh-tokoh wanita ini termasuk Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa didapati terpimpin sebagai *al-musnid* atau perawi ilmu-ilmu Islam adalah bersabit hubungan kekeluargaan mereka dengan tokoh-tokoh ulama Islam lelaki sama ada terdiri daripada bapa atau suami (al-Mar'ashli, 2002).

### 3.2 Guru Riwayat Utama

Terdapat dua orang guru yang menjadi sumber periwayatan *asanid ulum al-din* kepada Ratu Fatima al-Shifa. Ia terdiri daripada bapa beliau iaitu Syed Ahmad al-Sharif al-Sanusi dan suami beliau Raja Idris al-Mahdi (M. Husni, t.th., 389). Ratu Fatimah al-Shifa memiliki kelayakan untuk memberi *ijazah* riwayat sanad bersandarkan dua nama ini. Berikut dihuraikan biodata bapa beliau yang merupakan guru riwayat utama beliau.



Gambar C: Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi (1873-1933) {bapa Ratu Sayyidah Fatimah al-Syifa}

Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi (1873-1933) merupakan pejuang serta tokoh ilmuwan Libya merangkap cucu kepada pengasas Tarikat Sanusi yang masyhur iaitu al-Hafiz Muhammad bin 'Ali al-Sanusi (w. 1276H). Nasab keturunanan Sayyid Ahmad al-Sharif berkesinambungan sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. (al-Mar'ashli, 2002). Beliau dilahirkan di Ja'ub dan membesar di sana serta mendapat didikan awal terutama daripada bapa saudara beliau iaitu Muhammad al-Mahdi (w.1320H)

disamping bapa beliau sendiri iaitu Muhammad al-Sharif (w.1313H). Beliau merupakan tokoh handalan negara Libya dalam perjuangan menghadapi penjajahan Itali dan Perancis disamping tokoh seperjuangan beliau, Umar al-Mukhtar. Beliau pernah berkhidmat sebagai timbalan khalifah bagi kerajaan al-Uthmani untuk wilayah Afrika Utara. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 1993 dan dikebumikan di perkuburan Baqi'. ("About Sayid Ahmad", t.th. & "Umar Mukhtar Singa", t.th)

Ketokohan beliau dalam arena keilmuan jihad dan tasawuf dapat dihayati menerusi karya jihad beliau yang berjudul *Bughyatul Musa'id fi Ahkamil Mujahid'* dan karya tasawuf beliau yang berjudul *Anwar al-Qudsiyah* dan *Fayudhat al-Rabbaniyah*. Dalam bidang periwayatan sanad ilmu-ilmu pengajian Islam, Sayyid Ahmad al-Sharif turut memiliki tujuh buah karya berkaitan bidang ini yang disebut sebagai karya *al-thabat* atau karya sanad yang dihubungkan kepada beliau sebagaimana judul-judul berikut (al-Mar'ashli, 2002):

a. *al-Thabat al-Kabir*

Karya ini berjumlah 500 muka surat dan merupakan karya terbesar yang mendokumentasikan salasilah sanad keilmuan Sayyid Ahmad Sharif . Karya ini masih belum dicetak serta berada dalam simpanan Sheikh Muhammad al-'Arabi al-'Azuzi (w.1382H) sebagaimana yang tercatat dalam sebuah kitab lain yang berjudul *Ithaf Dhawi al-'Inayah* (al-Mar'ashli, 2002: 407).

b. *al-Thabat al-Saghir*

Karya ini sering digunakan oleh Sayyid Ahmad al-Sharif sebagai material pengijazahan sanad kepada pemohon-pemohon *ijazah* beliau di sekitar Hijaz. Ia dicetak dengan judul *Tajrid Asanid Ahmad al-Sharif*. (al-Mara'shli, 2002:407)

c. *al-Fuyudhat al-Rabbaniyyah fi Ijazah al-Tariqah al-Sanusiyah al-Ahmadiyyah*

Karya ini dicetak pada tahun 1342H di Astanah. Kandungannya terdiri daripada salasilah sanad al-Quran, *kutub al-sittah*, kitab-kitab *musnad*, salasilah sanad Tarikat Sanusi, Shazuli, Naqshabandi dan lain-lain yang terdiri daripada hizib-hizib serta wirid-wirid. *Ijazah* sanad dalam karya ini dianggap penting membabitkan periwayatan Sayyid Ahmad al-Sharif. (al-Mara'shli, 2002: 407).

d. *al-Anwar al-Qudsiyyah fi Muqaddimah al-Tariqah al-Sanusiyah*

Karya ini merupakan risalah yang mengandungi salasilah sanad nenda beliau termasuk biodata para *rijal* dan adab dalam tarikat. Ia dicetak di al-Astanah. (al-Mar'ashli, 2002: 408)

e. *al-Dur al-Farid al-Wahhaj bi al-rihlah al-Munirah min ja'bub ila al-Taj*

Karya ini masih merupakan manuskrip tulisan tangan yang berada dalam simpanan Sheikh Malik al-'Arabi al-Sanusi di kediaman beliau di Madinah al-munawwarah. . (al-Mar'ashli, 2002: 408)

f. *Fuyud al-Mawahib al-Rahmaniyyah*

Karya ini mendokumentasikan biodata para guru Sayyid Ahmad al-Sharif dan tokoh-tokoh ulama masyhur dari wilayah Magribi yang mempunyai hubungan dengan beliau. Para guru dan tokoh yang berjumlah sekitar 300 orang tersebut disusun menurut tiga tabaqat. Karya penting ini terdiri daripada dua jilid. (al-Mar'ashli, 2002: 408)

g. *Tarjamah al-Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi*

Karya ini disusun oleh anak murid beliau yang bernama Sheikh 'Abd al-Malik bin 'Abd al-Qadir bin 'Ali yang masyhur dikenali sebagai al-Tarablusi al-Makki (1318-1417H).

Kesemua ketujuh-tujuh karya sanad di atas telah diriwayatkan oleh anak beliau iaitu Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa. Anak perempuan beliau tersebut telah menjadi pewaris utama *ijazah* riwayat kitab-kitab tersebut dan penerus kesinambungan periwayatan yang tersebar selepas kematian beliau. Selain itu, Sheikh Yasin al-Fadani iaitu *musnid dunya* kurun 14H turut memiliki *ijazah* periwayatan sanad kitab-kitab ini langsung daripada Sayyid Ahmad al-Sharif. (al-Mar'ashli, 2002: 408).

3.3. Murid Riwayat Utama

Menurut M. Husni (t.tn), Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa memiliki sejumlah murid dalam konteks periwayatan sanad ilmu-ilmu agama antaranya termasuk beliau sendiri dan juga lain-lain murid terdiri daripada dua orang anak saudaranya iaitu Sheikh Malik bin al-'Arabi al-Sanusi dan Sheikh Nafi' bin al-'Arabi al-Sanusi, serta Sheikh Usamah bin al-Sayyid bin Mahmud al-Azhari dan pengarang ensiklopedia sanad dunia Islam; Sheikh Yusuf bin 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli. Namun kajian ingin memperkenalkan lebih lanjut berkaitan murid riwayat utama penyebar sanad ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa di belahan nusantara iaitu Sheikh Husni Ginting.



Gambar D: Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020)(Murid Riwayat Ratu Sayyidah Fatimah al-Syifa'}

Nama lengkap beliau ialah Muhammad Husni Ginting bin Muhammad Hayat Ginting bin Muhammad Ilyas Ginting bin Muhammad Salih Ginting al-Langkati al-Mustafawi al-Azhari al-Shafi'i al-Shazuli al-Hasafi. Beliau dilahirkan pada tarikh 6 oktober 1980 di Besitang, Kabupaten Langkat, Sumatera Utara, Indonesia. (M. Husni, t.th) Beliau

meninggal dunia bertepatan tarikh 14 Ogos 2020 di Simpang Tiga Besitang Langkat, Indonesia pada usia 40 tahun.

Penglibatan beliau dalam pendidikan formal dapat dirumuskan kepada dua bahagian iaitu pendidikan di Indonesia dan pendidikan di Mesir. Pada tahun 1987, beliau mendapat pendidikan di Madrasah Ibtidaiyyah al-Hukumiyyah di Bukit Kubu Besitang dan bergraduasi pada tahun 1993. Seterusnya pada tahun tersebut juga beliau melanjutkan pendidikan di Madrasah al-Mustafawiyyah di Purba Baru, Markaz Maidailing, Sumatera Utara dan berhasil memperolehi sijil shahadah *thanawiyyah al-hukumiyyah* pada 29 Mei 1999 serta sijil shahadah *thanawiyyah al-mustafawiyyah* pada 11 Jun 2000. (M. Husni, t.th) Pada hujung tahun 2000, sekitar usia 20 tahun, beliau melanjutkan pengajian di Kuliah Syariah Islamiyyah, Universiti al-Azhar Cawangan Daqhilyah, Mesir dan berjaya memperolehi Ijazah *Lisence Syariah Islamiyyah* pada tahun 2004. Setelah itu, beliau melanjutkan pengajian di Ma'had 'Ali al-Dirasat al-Islamiyyah di Kaherah dan berjaya memperolehi ijazah diploma master pada 27 Januari 2007. Seterusnya pada tahun 2008, beliau meneruskan pengajian kali kedua di Universiti al-Azhar dalam bidang Usuluddin bahagian Hadis dan berjaya bergraduasi pada tahun 2011. (M. Husni, t.th)

Sheikh Muhammad Husni Ginting memiliki 165 orang guru dalam konteks *al-ijazah* sama ada *ijazah musyafahah* (lisan) atau *ijazah mukatabah* (tulisan) dalam periwayatan hadis dan juga ilmu-ilmu agama yang lain. Guru-guru ini berasal daripada 20 buah negara. Beliau mendokumenkan rantai sanad 165 orang guru ini dalam sebuah karya *thabat* atau karya sanad berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. Karya ini berjumlah 420 halaman. Ia dicetak oleh Dar al-Turki li al-Tiba'ah tanpa menyatakan tahun terbitan. Ia dikarang dalam Bahasa Arab (M. Husni, t.th).

Karya ini dapat dianggap sebagai karya *thabat* terpenting di Asia Tenggara pada masa mutakhir. Rentetan isi kandungannya yang merekodkan sanad keilmuan dalam bidang hadis berlatarkan pelbagai kesinambungan rantai bersumberkan daripada 165 orang guru yang terdiri daripada timur dan barat dunia Islam sebagaimana yang tertera dalam jadual berikut:

Jadual 2 taburan Negara 165 orang guru *al-ijazah* Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020)

BIL	NAMA NEGARA GURU	JUMLAH GURU	BIL	NAMA NEGARA GURU	JUMLAH GURU
1	MESIR	38	11	MORROCO	3
2	INDONESIA	36	12	IRAQ	4
3	ARAB SAUDI (MEKAH, MADINAH, JEDDAH)	26	13	BAHRAIN	2
4	MALAYSIA	10	14	JORDAN	2
5	YAMAN	8	15	NIGERIA	1
6	PAKISTAN	8	16	THAILAND	1
7	SYIRIA	7	17	SUDAN	1
8	LUBNAN	6	18	ALGERIA	1
9	INDIA	5	19	PALESTIN	1
10	LIBYA	4	20	TURKI	1

JUMLAH 165 ORANG

Sumber M. Husni, t.th

Jarang-jarang pengamal sanad nusantara mutakhir berjaya memiliki atau berusaha untuk memperbanyakkan guru riwayat dalam jumlah ratusan orang pada masa kini. Guru-guru tersebut pula merupakan tokoh *al-musnid* abad ini yang sukar dicari ganti antaranya seperti Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa. Justeru salasilah keilmuan yang bersambung menerusi para tokoh terbabit adalah memiliki harga yang tinggi dalam konteks riwayat dan sanad ilmu-ilmu agama pada masa kini.

Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati berkesempatan menerima *ijazah* umum beberapa kali daripada Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa dalam perkumpulan majlis ilmu dan ziarah membabitkan beliau. *Ijazah* umum tersebut kebiasaannya dimeterai atas permintaan anak saudara ratu iaitu Sayyid Malik bin al-'Arabi al-Sanusi dan turut diijazahkan secara menyeluruh kepada hadirin yang hadir termasuk Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati. Beliau turut mencatatkan tarikh-tarikh peristiwa ini berlaku iaitu antaranya pada 12 rejab 1428H, pada 19 Syaban 1429H dan pada 29 rejab 1430H dalam *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Syuyukh* (M. Husni, t.th).

### 3.5 Rantaian Sanad Kitab *Sahih al-Bukhari* Riwayat Sheikh Muhammad Husni Ginting al-langkati daripada Ratu Sayyidah Fatimah al-Syifa

Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati mengabadikan *ijazah* sanad Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa dalam karya *al-thabat* susunan beliau yang berjudul *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Syuyukh*. Beliau mengeluarkan contoh salasilah sanad Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa yang berkesinambungan daripada beliau selaku penerima *ijazah* sehingga sampai kepada pengarang kitab *Sahih al-Bukhari*. Beliau menggunakan lafaz periwayatan *'anba'ana* untuk menghubungkan persambungan sanad antara beliau dan ratu dalam rantaian berkenaan untuk menzahirkan bahawa ikatan ini dipersambungkan secara *al-ijazah* (M. Husni, t.th).

Jadual 3 Rantaian Sanad Kitab Sahih al-Bukhari Riwayat Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati daripada Ratu Fatimah al-Syifa

BIL	KURUN	NAMA PERAWI SALASILAH SANAD KITAB SAHIH AL-BUKHARI
1	3H	Muhammad bin Ismail al-Bukhari (w. 256H)
2	4H	Abu 'Abdullah Muhammad bin Yusuf bin Matar bin Salih bin Basyar al-Firabri (w. 320H)
3		Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad al-Sarkhasi (w. 381H)
4	5H	Sheikh Abi al-Hasan 'Abd al-Rahman bin Mazfar bin Muhammad bin Dawud al-Dawudi (w. 467H)
5	6H	'Abd al-Awwal bin 'Isa bin Syu'ayb al-Sajazi al-Harawi (w. 553H)
6	7H	Sheikh Sirajuddin al-Hussayn bin al-Mubarak al-Hanbali al-Zabidi (w. 631H)
7	8H	Sheikh Abi al'Abbas Ahmad bin Abi Talib al-Hajjar (w. 730H)
8	9H	Sheikh Zaynuddin Ibrahim bin Ahmad al-Tanukhi ( w.800H)
9		Sheikh Shihabuddin Ahmad bin 'Ali bin Hajar al'Asqalani (w.825H)
10	10H	Sheikh al-Islam Qadi Abi Yahya Zakariyya bin Muhammad al-Ansari(w. 926H)
11		Al-Najm Muhammad bin Ahmad bin 'Ali al-Ghayti (w.984H)

12	11H	Imam Abi al-Naja Salim bin Ahmad al-Sanhuri (w.1015H)
13	12H	Sheikh Muhammad bin Sheikh 'Ala; al-Din al-Babili al-Misri (w.1134H)
14		Abu 'Abbas Ahmaf bin Muhammad al-Nakhli al-Makki
15		Bapanya Muhammad Sa'id Sunbul
16		Muhammad Tahir bin Muhammad Sa'id Sunbul
17		Sheikh 'Umar al-'Atar
18	13H	Bapanya Muhammad bin 'Ali al-Sanusi (w. 1276H)
19	14H	Bapanya Muhammad al-Sharif al-Sanusi (w.1313H).
20		Bapanya Sayyid Ahmad al-Sharif (w. 1933)
21		Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa(w. 2009)
22		Sheikh Husni Ginting (w.2020)

Sumber M.Husni (t.th)

Terdapat 22 rijal dalam rantaian tersebut sebagaimana yang tertera pada jadual 2. Rantaian ini kekal bersambungan turun temurun berdasarkan kepatuhan terhadap mekanisme persambungan sanad terutamanya dalam konteks aplikasi *al-ijazah* antara Sheikh husni ginting dan ratu Fatimah al-Shifa. *Al-ijazah* yang diterima oleh Sheikh Husni daripada ratu tersebut telah melayakkan beliau untuk membariskan nama dalam rantaian ini.

#### 4. Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan sebelum ini, kajian mencerakinkan lima perbincangan berikut untuk menonjolkan nilai berharga yang dapat dilunaskan menerusi penglibatan Ratu Fatimah al-Shifa dalam arena *ijazah* sanad keilmuan Islam.

##### 4.1 Perawi Terakhir dalam Kalangan Raja Perempuan Negara Islam

Menurut M. Husni (t.tn), Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa dapat dianggap sebagai perawi terakhir dunia dalam kalangan raja perempuan atau permaisuri Negara Islam. Kedudukan beliau sebagai Ratu Libya pada tahun 1951 sehingga 1969 adalah bertepatan dengan status suami beliau iaitu Raja Idris al-Mahdi al-Sanusi (1889-1983). yang merupakan Raja Libya yang terakhir yang memerintah Libya dalam tempoh terbabit. Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa didapati terpimpin sebagai *al-musnid* atau perawi ilmu-ilmu Islam adalah bersabit hubungan kekeluargaan beliau dengan tokoh-tokoh ulama Islam lelaki sama ada terdiri daripada bapa atau suami (al-Mar'ashli, 2002).

##### 4.2 Periwatan anak daripada bapa

Selain itu, rantaian sanad yang diriwayatkan menerusi Ratu Fatimah al-Shifa dapat dikategorikan sebagai periwatan anak daripada bapa. Guru yang menjadi sumber utama periwatan salasilah sanad ilmu-ilmu agama ratu iaitu bapa beliau Sayyid Ahmad al-Sharif al-Sanusi. Menurut perbincangan ilmu periwatan hadis, kategori ini memang banyak terdapat dalam sanad hadis terdahulu. Kategori ini mustahak dalam mengukuhkan kesahihan hubungan kekeluargaan perawi untuk kes tertentu yang mengalami kesamaran atau kekeliruan dalam aspek ini (*al-Mausu'ah 'Ulum al-Hadith*, 2007).

#### 4.3 Sanad Tinggi

Berdasarkan faktor usia Ratu Fatimah al-Shifa yang panjang iaitu hidup sehingga umur 98 tahun menyebabkan salasilah sanad bersumberkan periwayatan ratu dapat dinilai sebagai sanad tinggi iaitu jumlah perawi dalam rantaian sanad menjadi semakin kurang dan jarak periwayatan lebih mendekati atau merapati zaman bapa dan suami beliau. Kelebihan ini menambah kualiti *ijazah* sanad Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa sebagai nadir, jarang didapati serta sukar dimiliki oleh seseorang kolektor sanad (M. Husni, t.th., al-Mar'ashli, 2002). Pencarian sanad tinggi pula merupakan perbuatan sunnah yang dititikberatkan dalam kalangan ilmuwan Islam sejak dulu hingga kini. Ia berasaskan justifikasi untuk berlumba mencari kedekatan jarak dengan Rasulullah s.a.w dan serentak dengan itu juga lebih hampir dengan Allah s.w.t. Justeru itu, paradigma ini menjadi prinsip penting dalam lingkungan perawi Islam (al-Khatib al-Bagdadi, 2008).

#### 4.4 Penyebaran Sanad Ratu di Nusantara

Ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa menjadi tumpuan pengambilan *ijazah* sanad ilmu-ilmu agama berasaskan kapasiti latar belakang kekeluargaan beliau yang eksklusif. Dalam erti kata, kedudukan beliau sebagai anak dan isteri kepada kedua-dua tokoh besar yang berpengaruh dalam persektif Negara Libya. Bapa dan suami beliau masyhur dalam peranan masing-masing sejajar dengan perkembangan dan peristiwa bersejarah yang berlaku di Negara Libya. Nusantara turut menerima ikatan persambungan menerusi murid riwayat utama penyebar sanad ratu Sayyidah Fatimah al-Shifa di belahan nusantara iaitu Sheikh Husni Ginting. Beliau mengabadikan rantaian salasilah sanad ratu kalam karya beliau *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*.

#### 4.5 Sumber Inspirasi

Penemuan kajian signifikan untuk dijadikan sumber inspirasi ke arah korpus perbincangan tentang pembinaan karekter raja-raja perempuan Islam mutakhir dalam bidang keilmuan dan penjagaan salasilah sanad ilmu-ilmu Islam terutama di benua yang memiliki populasi Islam teramai iaitu nusantara. Ia turut bertepatan dengan kedudukan mereka sebagai penjaga agama serta simbol kedaulatan Islam.

### 5. Kesimpulan

Kesimpulan menunjukkan periwayatan kitab-kitab turath Islam menerusi mekanisme *al-ijazah* merupakan tradisi silam yang masih berlangsung diaplikasikan sehingga kini. Ia dilakukan atas tujuan mengekalkan salasilah sanad yang berkesinambungan antara perawi demi perawi pada setiap zaman. Ia juga sebahagian daripada tradisi tulen yang sebatu dan tidak dapat dipadamkan keistimewaannya dalam paradigma teori ilmu periwayatan Islam. Malah ia dislogankan dengan kata-kata hikmat *al-isnad min al-din* yang bermaksud sanad adalah bahagian daripada amalan agama ('Abd al-Fattah, 1992).

Berikutan itu segenap peringkat ilmuwan Islam memberi komitmen dalam kegiatan *ijazah* periwayatan sanad ilmu-ilmu agama ini sama ada lelaki atau perempuan, ulama, sultan, permaisuri atau pemerintah, anak atau bapa, guru atau murid. Mereka konsisten menyumbang untuk mengekalkan salasilah sanad ilmu-ilmu agama

pengajian Islam termasuk Ratu Sayyidah Fatima al-Shifa. Ia khusus dalam konteks *ijazah* sanad ilmu hadis berperantarakan kitab *Sahih al-Bukhari*.

Justeru, sumbangan ratu signifikan sebagai legasi penerus kesinambungan sumbangan tokoh-tokoh perawi wanita Islam terdahulu seperti Sayyidatina 'Aisyah serta 130 orang perawi wanita dalam kalangan Sahabat Nabi s.a.w. yang telah direkodkan meriwayatkan lebih kurang 2539 buah hadis dalam *kutub al-sittah*. Sejumlah 31 orang daripada 130 orang perawi wanita ini direkodkan meriwayatkan hadis dalam *Sahih al-Bukhari* (Akram Nadwi, 2007). Dalam erti kata lain, ratu meneruskan peranan menghidupkan ilmu periwayatan hadis yang turun temurun bersambungan pada setiap zaman.

### Rujukan

- Akram Nadwi, M. 2007. *al-Muhaddithat: The Women Scholars In Islam*. Oxford: Interface Publication.
- Akram Nadwi, M. 2001. *Bughyat al-mutabir li asanid al-'allamah al-sharif Muhammad al-Rabi'*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. 1992. *Al-Isnad min al-din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- 'Ali Jumuhah, Muhammad. 2004. *Al-Madkhal Ila dirasah al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Kaerah: Dar al-Salam.
- al-'Amrani, 'Abd Allah. 1983. *Thabat Abi Ja'far Ahmad bin 'Ali al-Balawi al-Wadi Ashi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Basri, 'Abd Allah bin Salim. 2006. *Al-Imdad bi ma'rifah 'uluyy al-isnad*. Riyad: Dar al-Tawhid li al-Nashr.
- al-Ghamidi, Ziyab Sa'ad alHamdan. 2008. *Al-Wijazah fi al-Athbat wa a-ljazah*. Beirut: Dar Qurtubah.
- Ghassan 'Isa, Muhammad Hirmas. 2016. Kutub al-Athbat wa Dauruha fi Hifz Turath Ahl al-Hadith. *Majallah Jami'ah al-Qudsi al-Maftuhah li al-Abhath wa al-Dirasat-Jilid 2* (39): 189-229.
- al-Ghawri, Sayyid 'Abd al-Majid. 2007. *Mu'jam al-mustalahat al-hadithiyyah*. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-'Imadiyyah, al-hafiz Mansur bin Salim al-Hamdaniyy al-Iskandaraniyy al-Shafi'iy. 2008. *Juz' fi al-ijazah*. Tahqiq: Nizam Muhammad Salih Ya'qubi. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. 2003. *Hady al-sari muqaddimah fath al-bari sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq; 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Baz & Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Salah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shaharzuri. 1986. *'Ulum al-hadith*. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-'Iraqi, Abu al-Fadl 'Abd al-Rahim bin al-Husayn. 1993. *Fath al-mughith sharh al-fiyyah al-hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Kattani, 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir. 1982. *Fahras al-faharis wa al-athbat wa mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhah wa al-musalsalat*. Tahqiq: Ihsan 'Abbas. Jil. 1 & 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Khatib al-Bagdadi, Abu Bakr Ahmad bin 'Ali. 2008. *Al-Jami' li akhlaq al-rawi wa adab al-sami'* Tahqiq: Muhammad Ra'fat al-Sa'id. Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah: Dar al-Wafa'.
- Mahmud Sa'id Muhammad Mamduh. 2009. *Al-Ittijahat al-hadithiyyah fi al-qarn al-rabi' 'ashar*. Kaerah: Dar al-Basa'ir.

- al-Majidi, 'Abd al-Salam Maqbal. 2000. *Talaqqi al-Nabi ρ alfaz al-Qur'an al-karim: dirasat tafsiliyyat li kayfiyat talaqqi al-Nabiyy ρ alfaz al-Qur'an al-karim 'an Jibril 'alayh al-salam 'an Allah 'azza wa jalla*. Lubnan: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Mar'ashli, Yusuf 'Abd al-Rahman. 2002. *Mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktabat al-Rushd.
- M. Husni, Ginting al-Langkati al-Azhari. t.th. *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. T.tp: Dar al-Turki li al-Tiba'ah.
- Mawsu'ah 'ulum al-hadith*. 2007. Kaherah: Wizarat al-Awqaf al-Majlis al-'A'la li al-Shu'uni al-Islamiyyah
- al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. 2005. *Fath al-mughith bi syarh al-fiyyah al-hadith*. Tahqiq: 'Abd al-Karim bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Khudayr & Muhammad bin 'Abd Allah bin Fahayd Alfahayd. Jil. 1, 2 & 3. Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj.
- The Queen is finally laid to rest at Mount Uhud .2009. <http://www.libyanconstitutionalunion.org/queen.htm> 20 Mei 2021)
- About Sayid Ahmad Syarif and his birth (1873-1932 AD). t.th. <http://en.idrisiyyah.or.id/read/article/69/syekh-ahmad-syarif-as-sanusi/> 20 Mei 2021
- Umar Mukhtar Singa Padang Pasir dari thariqat sanusiyyah t.th. <http://en.idrisiyyah.or.id/read/article/144/umar-mukhtar/> 20 Mei 2021